



# Buletin Kelab

JANUARI  
2006

KELUARAN 1/06

<http://iiu.edu.my/matric/club>

JAN 2006

## BERITA KELAB KEBAJIKAN

**SELAMAT  
TAHUN BARU 2006  
&  
SELAMAT HARI  
RAYA AIDILADHA**

### Kandungan Buletin

Petua Murah Rezeki	2
Kehidupan Bermakna-	3
Bagaimana menyambut Tahun Baru	4
Petua	2
Raikan Aidiladha	6
Perkahwinan Berkekalan	5
Bersama Juruaudit 2	6

#### -Kejohanan Bola Sepak Liga 3K

Akan diadakan pada 12 Januari 2006 hingga 07 Mac 2006. Sebanyak 12 pasukan akan mengambil bahagian termasuk pasukan Kelab kebajikan iaitu Real Matrix FC. Datang lah beramai-ramai menyaksikan pertandingan tersebut.

#### -Program Kecemerlangan Akademik

Bagi anak-anak ahli kelab. Program ini bertujuan mengalakkan anak-anak ahli supaya cemerlang didalam akademik. Kelab akan memberi sumbangan bernilai RM200 kepada anak-anak ahli yang cemerlang didalam akademik. Cara memohonnya bolehlah terus menghubungi Bendahari kelab En.Abu Bakar Dawi samb. 3230 atau En Abdul Latif dengan memberi salinan sijil peperiksaan. Syarat-syaratnya adalah:

UPSR— mestilah sekurang-kurangnya mendapat 5A atau 4A 1B

UPSA— mestilah sekurang-kurangnya mendapat 6A

PMR— mestilah sekurang-kurangnya mendapat 7A

SPM— mestilah sekurang-kurangnya mendapat 8A

**8/Jan/2006 - Majlis Perkhawinan Cik Nor Azlina Bt. Manzur Husain.** Beliau adalah anak kepada En Manzur Husain, seorang kakitangan di Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan. Majlis tersebut akan berlangsung di Pusat Matrikulasi UIAM, Petaling Jaya .Kelab mengucapkan Selamat Pengantin Baru, Semoga beliau berbahagia dan berkekalan hingga keakhir hayat.

#### Ayahanda Puan Shahhidah Said

Fellow MZJ telah kembali kerahmatullah pada bulan Disember 2005 yang lalu, semoga rohnya dicucuri rahmat oleh ALLAH SWT dan ditempatkan bersama para anbiya dan Mursalin. Takziah di ucapkan kepada Puan Shahidah sekeluarga..semoga di beri kesabaran oleh ALLAH SWT.

**Mesyurat Agong Kelab** untuk separuh penggal dijangkakan akan diadakan pada 10 Februari 2006 jam 9.30pagi. Mesyurat tersebut akan diadakan di Marhalah Abu Bakar. Semua Ketua-Ketua Biro diminta menghantar laporan kepada Setiausaha Kelab En Mohd Sharif.

**SELAMAT KEMBALI KE SEKOLAH** dan kepada anak-anak yang baru bersekolah Selamat menempoh alam persekolah. Bersama ini disertakan Kalender Persekolahan bagi Tahun 2006.

Penggal	Cuti dan Hari Persekolahan	Mula	Akhir	Hari
I	Hari Persekolahan	03.01.2006	10.03.2006	49
	Cuti Pertengahan Penggal	11.03.2006	19.03.2006	9
	Hari Persekolahan	20.03.2006	26.05.2006	50
	Cuti Pertengahan Tahun	27.05.2006	11.06.2006	16
II	Hari Persekolahan	12.06.2006	18.08.2006	50
	Cuti Pertengahan Penggal	19.08.2006	27.08.2006	9
	Hari Persekolahan	28.08.2006	17.11.2006	60
	Cuti Akhir Tahun	18.11.2006	01.01.2007	45
Jumlah				288
Jumlah Hari Persekolahan Termasuk Cuti Am				209
Jumlah Hari Cuti Penggal				79



## PETUA MURAH REZEKI

INSYAALLAH DENGAN IZIN ALLAH]

ASSALAMUALAIKUM, Petua untuk murah rezeki dan dijauhkan kesulitan Abu Yazid Al Busthami, pelopor sufi, pada suatu hari pernah didatangi seorang lelaki yang wajahnya kusam dan keningnya selalu berkerut. Dengan murung lelaki itu mengadu, "Tuan Guru, sepanjang hidup saya, rasanya tak pernah lepas saya beribadah kepada Allah. Orang lain sudah lelap, saya masih bermunajat. Isteri saya belum bangun, saya sudah mengaji. Saya juga bukan pemalas yang enggan mencari rezeki. Tetapi mengapa saya selalu malang dan kehidupan saya penuh kesulitan?" Sang Guru menjawab sederhana, Perbaiki penampilanmu dan rubahlah roman mukamu. Kau tahu, Rasulullah SAW adalah penduduk dunia yang miskin namun wajahnya tak pernah keruh dan selalu ceria. Sebab menurut Rasulullah SAW, salah satu tanda penghuni neraka ialah muka masam yang membuat orang curiga kepadanya.

Lelaki itu tertunduk. Ia pun berjanji akan memperbaiki penampilannya. Mulai hari itu, wajahnya sentiasa berseri. Setiap kesedihan diterima dengan sabar, tanpa mengeluh. Alhamdulillah sesudah itu ia tak pernah datang lagi untuk berkeluh kesah. Keserasian selalu dijaga. Sikapnya ramah, wajahnya sentiasa mengulung senyum bersahabat. Raut mukanya berseri. Tak hairan jika Imam Hasan Al

Basri berpendapat, awal keberhasilan suatu pekerjaan adalah raut muka yang ramah dan penuh senyum. Bahkan Rasulullah SAW menegaskan, senyum adalah sedekah paling murah tetapi paling besar pahalanya. Demikian pula seorang suami atau seorang isteri. Alangkah celaknya rumah tangga jika suami isteri selalu berwajah tegang. Sebab tak ada persoalan yang diselesaikan dengan mudah melalui kekeruhan dan ketegangan. Dalam hati yang tenang, fikiran yangdingin dan wajah cerah,Insya Allah, apapun persoalannya nescaya dapat diatasi. Inilah yang dinamakan keluarga sakinah, yang didalamnya penuh dengan cinta dan kasih sayang. Anda ingin beramal soleh...? Tolong kirimkan kepada rakan-rakan muslim lainnya yang anda kenal "wahai tuhan ku tak layak kesyurgamu ...namun tak pula aku sanggup keNerakamu....kami lah hamba yang mengharap belas darimu ..."ya allah jadikan lah kami hamba2 mu yang bertaqwa..ampunkan dosa2 kami .kedua ibubapa kami .dosa semua umat2 islam yang masih hidup mahupun yang telah meninggal dunia" luv ..wardah as sakinah

**Orang sukses selalu mencari peluang untuk membantu orang lain. Orang yang tidak sukses selalu bertanya, "Apa untuk saya?"**

### PETUA

#### BADAN WANITA BERBAU

Masalah yang dihadapi oleh kaum wanita ini boleh diatasi dengan mengamalkan memakan daun temangi sebagai ulam dan hasilnya bau badan akan hilang.

#### KULIT MUKA KERING

Untuk mengatasi tompok-tompok putih di kulit muka akibat cuaca panas ialah dengan membersihkan muka dengan air panas suam. Setelah itu sapukan madu yang sudah dimasak dan menjadi panas suam pada kulit muka dengan menggunakan jari tangan. Picitlah perlahan-lahan supaya meresap dan biarkan lebih kurang setengah jam. Kemudian bersihkan dengan air panas suam dan bilas pula dengan air. Amalkanlah selalu.

## Tips Mencipta Kehidupan Bermakna

Hidup itu sesungguhnya sederhana saja. Tidak sebagaimana yang dikatakan orang yang mengatakan bahawa hidup itu rumit. Masyarakat sekarang berada dalam masa yang sulit untuk memahami konsep hidup ini. Kita percaya pada pendapat bahawa "hidup itu pertarungan", "kita harus melakukan yang terbaik untuk itu", dan "hidup adalah tantangan lalu anda mati." Berikut ini 10 tips untuk mengatasi kekusutan hidup yang tidak terbatas pada apa keyakinan anda.

1) Ingatlah mungkin anda tidak mendapatkan apa yang anda inginkan tetapi seringkali hal itu adalah sebuah keberuntungan yang baik. Tidak selalu mendapatkan apa yang anda mahu seringkali bererti bahawa ada sesuatu yang lebih baik berada di baliknya. Anda perlu untuk bersabar dan tenang. Hal itu pasti akan datang pada waktunya.

2) Saat anda menyedari anda melakukan kekeliruan, segera ambil langkah-langkah perbaikan. Cepat ambil tindakan untuk menyelamatkan hubungan anda, menjelaskan kesalahan serta salah erti, dan lakukan tindakan yang diperlukan untuk menjaga keadaan dari kehancuran.

3) Hiduplah dalam kehidupan yang baik dan penuh kehormatan. Dengan demikian, maka pada saat anda tua dan menoleh ke belakang kehidupan, anda dapat menikmatinya untuk kali kedua. Hidup dalam kehormatan bererti anda meninggalkan warisan yang dapat diikuti oleh orang lain. Kemudian, anda dapat melakukan refleksi dan menikmati kembali saat-saat tersebut

4) Suasana rumah yang penuh kasih sayang adalah kebahagiaan hidup anda. Lakukan semua yang anda mampu untuk menciptakan suasana rumah yang harmoni dan tenang. Hal-hal kecil itu berharga, baik bagi anda mahupun orang lain. Nyalakan lilin beraroma di kamar anda, tiuplah busa-busa sabun dalam kamar mandi anda dengan musik lembut mengiringi. Tinggalkan pesan pada bantal pasangan anda atau keluarga anda yang menyatakan cinta kasih anda "Saya Sayang Anda".

5) Ingatlah: hubungan yang terbaik adalah hubungan di mana kasih anda untuk yang lain melebihi diri anda dari yang lain.

Jadilah orang yang saling ketergantungan, bukan orang yang tergantung atau ikut-ikutan tergantung.

6) Kejujuran dan kepercayaan adalah hal yang paling penting dalam semua komunikasi anda dengan sesiapa, apatah lagi orang tersayang.

7) Tak seorang pun yang peduli seberapa banyak anda tahu sampai mereka tahu seberapa banyak anda peduli. Pesanan yang terbaik datang dari hati. Tanamlah benih, lalu ambillah jarak, biarkan ia tumbuh, dan amatilah bagaimana benih itu bertunas.

8) Sekali dalam setahun, pergilah ke suatu tempat yang belum pernah anda kunjungi. Tambahkan kegembiraan anda dengan membaginya pada orang-orang yang special di hati anda. Ciptakan kenangan. Menjelajahi tempat-tempat baru, mencapai cita rasa baru, mengalami pengalaman baru, dan bertemu kenalan-kenalan baru dapat membawa anda lebih dekat dan memperkaya makna hidup anda.

9) Hargailah hal-hal kecil. Berkongsilah dengan rakan-rakan baik anda, contohnya cokelat yang anda miliki. Sekalipun, semua itu adalah hal-hal kecil. Namun, hargailah

10) Hubungi dan telefon mereka yang sudah lama tidak berhubungan dengan anda, hanya sekadar menunjukkan perhatian anda. Kebanyakan daripada rumahtangga runtuh yang bermasalah sejak hari pertama tak lain tak bukan adalah kerana kedua-dua orang yang terlibat tersalah pilih pasangan, itu sahaja. Pilihan pasangan hidup anda adalah lebih penting dari apa jua yang anda lakukan untuk membahagiakan rumah tangga anda. Itu mungkin bunyinya seperti mudah sahaja dilakukan, tetapi anda akan terkejut dengan peratusan tinggi orang yang tidak sabar melangsungkan perkahwinan sehingga mereka tidak menumpukan masa dan usaha yang diperlukan untuk membuat keputusan yang baik.

Janganlah berputus asa. Tetapi kalau anda sampai berada

### PETUA

#### BATUK BERPANJANGAN

Ambil sebiji bawang merah dan dilumatkan. Setelah itu campurkan dengan satu sudu madu. Minumlah tiga kali sehari. Selamat mencuba, semoga batuk anda segera sembuh.

#### MATA MERAH DAN GATAL

Ambilkan tiga helai daun sirih dan rebus dengan dua gelas air. Setelah air rebusan menjadi panas suam, tuangkan ke dalam piring lalu rendamkan mata anda ke dalam piring itu. Insya Allah, mata anda akan pulih seperti sediakala.

## SELAMAT MENYAMBUT TAHUN BARU

Tapi bagaimana ye nak menyambut tahun baru????

Adakah sesuai bagi seorang yang menggelarkan dirinya Muslim menyambut tahun baru dengan pesta, hiburan, parti dan hedonisme? Tiada salahnya menyambut ketibaan tahun baru jika niat yang disertakan adalah untuk membawa perubahan ke arah yang lebih baik. Malah adalah lebih baik kiranya sambutan ini diadakan dengan tahlil, tadarus al-Quran atau dengan apa cara sekalipun asalkan syariat Islam terjaga, supaya keberkatan diperolehi. Apa yang penting di sini adalah niat dan cara menyambut malam tersebut. Sudah tentulah berpesta dan bersuka-ria tanpa mengikut lunas-lunas syariat Islam adalah dilarang dan ditegah. Umat Islam harus berpegang kepada hakikat ini.

Menurut pandangan Islam, peredaran masa adalah satu perkara yang biasa yang telah ditetapkan Allah s.w.t. sedemikian rupa. Dari satu saat ke saat yang lain, dari satu minit ke satu minit yang lain sehinggalah dari satu alaf ke satu alaf yang lain, ianya merupakan satu proses alam yang telah Allah s.w.t. tetapkan bagi dunia ini. Malah di dalam al-Quran al-Karim sendiri, banyak ayat yang diturunkan yang menegaskan peripentingnya masa di dalam kehidupan manusia. Jika ditinjau secara logik, 1 Januari, 2006 hanyalah satu hari di dalam setahun yang tidak mempunyai apa-apa signifikan yang besar kepada kehidupan manusia melainkan ianya menjadi tanda bermulanya tahun baru berasaskan pengiraan takwim solar yang mempunyai asal-usulnya kepada agama Kristian.

Islam mempunyai kiraan takwimnya sendiri. Sayyidina Umar al-Khattab telah menetapkan bermulanya peristiwa hijrah Rasulullah s.a.w. sebagai tahun bermulanya pengiraan takwim Islam. Pengiraan takwim Islam adalah berlandaskan pergerakan dan kedudukan bulan. Ini berbeza dengan pengiraan sistem A.D. dan C.E. yang melihat kepada kedudukan dan pergetakan matahari. Orang Kristian menggunakan pengiraan berdasarkan solar kerana hari-hari kebesarannya banyak melibatkan kedudukan matahari dan pergerakan musim seperti Hari Easter dan seumpamanya. Satu perkara yang mungkin wajar ditanya adalah mengapa orang Islam begitu beria-ia meraikan 1 Januari dan pada waktu yang sama seperti tidak mempedulikan 1 Muharram? Sepatutnya konsep hijrah yang dibawa oleh perayaan Maal Hijrah perlu dihayati oleh setiap umat Islam. Adakah Maal Hijrah setiap tahun hanyalah merupakan satu cuti umum di dalam kalendar tahunan kita semata-mata?

Golongan muda terutamanya nampak begitu ghairah dengan sambutan tahun baru, apa lagi alaf baru. Memang tidak dapat dinafikan bahawa naluri golongan muda adalah ke arah keseronokan dan kegembiraan. Namun sayangnya cara berseronok itu tidak selari dengan kehendak agama kita yang suci ini. Sekiranya perlu menyambut tahun baru ini, ianya perlulah dilakukan dengan hasrat untuk berubah ke satu keadaan yang lebih baik. Namun apa yang kita lihat ialah seolah-olah budaya hedonisme yang menerap masuk membawa bersamanya keruntuhan moral dan akhlak, dan ini bukanlah satu perkembangan ke arah yang lebih baik.

Memang diakui bahawa adalah mudah untuk bercakap tentang keruntuhan akhlak dan kebejatan sosial. Pada waktu yang sama agak sukar untuk mengenegahkan cara yang praktikal dan realistik untuk mengatasi masalah ini. Persoalan ini juga bukan suatu perkara yang baru dan seolah-olah tiada penyelesaiannya. Kita bangga dengan kejayaan Malaysia menangani krisis ekonomi dengan cara kita sendiri. Kita menggunakan pendekatan ala Malaysia yang dianggap tidak konvensional. Namun kita telah membuktikan kepada dunia bahawa Malaysia boleh melakukannya. Hakikat ini sudah tidak dapat kita nafikan lagi. Menjelangnya tahun baru ini juga membawa makna bahawa kita hanya mempunyai 15 tahun sahaja lagi sebelum tibanya tahun 2020 yang telah ditetapkan sebagai tahun bagi negara mencapai tahap negara maju mengikut acuan sendiri.

Dari sudut ekonomi memang kita telah berjaya mengikut acuan kita sendiri. Namun dalam aspek yang lain masih banyak lagi perkara yang perlu dilakukan. Aspek sosiobudaya khususnya perlu diberikan perhatian. Kita dapati bahawa perkembangan sosiobudaya bukanlah mengikut acuan kita sebaliknya mengikut preskripsi barat. Inilah yang terjadi dengan sambutan alaf baru ini yang mana rata-rata cara sambutan adalah bukan dengan acuan kita. Perkara ini wajar direnungkan bersama. Jika kita ingin maju ke hadapan menuju alaf baru, eloklah kita fikirkan cara untuk memajukan aspek sosiobudaya menggunakan acuan kita sendiri. Ini hanya boleh dilakukan oleh diri kita sendiri. Semolek-moleknya acuan yang digunakan ini adalah berlandaskan ajaran Islam yang sebenarnya.

Oleh itu, sama-samalah kita fikir dan renungkan? pilihlah cara yang terbaik dan sesuai dengan kita sebagai umat islam untuk menyambut tahun baru 2006.

**SeLaMaT TaHuN BaRu,  
MoGa Di TaHuN YaNg BaRu InI KiTa AkAn MeNcApAi Ke-  
HiDuPaN YaNg LeBiH Baik LaGi BeRbAnDiNg DeNgAn Ta-  
HuN-TaHuN LePaS.**

**Jika anda ingin memastikan perkahwinan yang memuaskan dan berkekalan, cubalah anda pertimbangkan faktor-faktor berikut**

#### 1. Tempoh Masa Berkenalan.

Kajian menunjukkan bahawa pasangan yang telah berkenalan selama dua tahun atau lebih kesemuanya lebih berpuas hati dengan perkahwinan berbanding pasangan yang berkenalan dalam jangka masa yang lebih pendek. Apabila pasangan bersedia mengambil keputusan yang melibatkan perkahwinan selepas hanya berkenalan selama beberapa bulan, keputusan itu kebanyakannya lebih berdasarkan khayalan dan kurang berdasarkan hakikat

#### 2. Memilih Pasangan Sendiri.

Orang sering memilih pasangan semata mata untuk menggemirakan orang lain ayah , ibu atau kerana orang menyuruh mereka berkahwin. Tetapi amat penting agar orang yang hendak kahwin itu sendiri gembira dengan pilihannya. Keputusan anda hendaklah dibuat berasaskan keperluan dan impian anda sendiri. Anda juga patut mendengar pendapat sahabat handai dan kaum keluarga dengan teliti, tapi jangan sampai biarkan orang lain memilih pasangan hidup anda

#### 3. Harapan Yang Tidak Wajar Tentang Perkahwinan

Kebanyakan rumah tangga gagal kerana tidak mendapat apa yang mereka impikan sebelum berkahwin. Ramai lelaki dan wanita memasuki alam perkahwinan dengan sangkaan bahawa pasangan mereka akan memenuhi semua keperluan mereka dan bahawa perasaan romantik mereka semasa bercinta akan kekal abadi. Sebenarnya rumah tangga yang bahagia memerlukan begitu banyak usaha, kesabaran dan ketabahan

#### 4. Masalah Keperibadian dan Tingkahlaku

Keperibadian dan tingkah laku tidak akan hilang apabila anda berkahwin. Jika terdapat ciri-ciri keperibadian dan tingkah laku pasangan anda yang menimbulkan persoalan, seperti cemburu, panas baran, tidak bertanggungjawab, tidak jujur dan degil. Tanya diri sendiri sama anda sanggup untuk menghabiskan masa anda sehingga ke akhir hayat untuk menangani masalah ini. Nyata sekali , jika pasangan yang dalam pertimbangan itu menghadapi masalah dadah, kaki botol dan sebagainya , anda sepatutnya memastikan masalah itu telah diselesaikan jauh lebih awal sebelum perkahwinan anda

#### 5. Banyak Pengalaman Hidup

Pemilihan pasangan hidup melibatkan ramalan tentang bagaimana anda berdua akan hidup bersama sepanjang tahun tahun akan datang. Pengalaman disini bukan bermaksud usia . Pengalaman yang dilalui tidak bergantung dengan usia seseorang. Pengalaman lelaki dan wanita mengharungi susah senang bersama amat bermakna dalam perhubungan. Jika boleh lalui waktu waktu susah dan senang bersama pasangan anda. Ambil contoh yang mudah saja ,misalnya melalui lalu lintas yang sesak, jalan jalan kampung yang becak . Dari situ , dia akan menunjukkan siapa dirinya yang sebenarnya.

#### 6. Bayangan Orang Yang Ingin Anda Kahwini.

Bayangan ini tidak anda sedari pada umumnya , namun ia amat mempengaruhi anda. Bayangkan dengan jelas sifat-sifat orang yang ingin anda kahwini. Fikirlah dengan panjang dan mendalam tentang faktor - penampilan, kepintaran, pendidikan , kerohanian dan sebagainya. Pemikiran bawah sadar anda boleh menghantui sesuatu hubungan . Berpeganglah pada bayangan anda ini, jika tidak anda akan menginginkan orang lain buat selamanya.

#### 7. Pasangan Yang Bersifat Seakan-akan Diri Anda.

Pasangan yang mempunyai terlalu banyak perbezaan sifat nya , akan memerlukan usaha yang lebih untuk memastikan rumahtangga yang dibina kekal bahagia. Lebih banyak memerlukan toleransi dan pemahaman. Tak ramai pasangan mampu bertindak sebegini

#### 8; Mempunyai Cita-Cita Yang Seiring

Jika orang yang anda kahwini bercita cita jauh lebih rendah atau lebih tinggi daripada anda, mungkin anda berdua akan kecewa. Masalah akan timbul jika anda berusaha mendaki puncak kejayaan tetapi pasangan anda telah berpuas hati dengan apa yang telah anda berdua miliki. Perbezaan sifat mungkin menarik hati ketika sedang melamar , tetapi ia akan menyebabkan banyak kekecewaan sepanjang perkahwinan.

#### 9. Kebolehan Berkomunikasi

Kebolehan berkomunikasi sangat penting demi kebahagiaan rumah tangga. Kesejahteraan perkahwinan bergantung kepada tahap komunikasi suami isteri. Adalah penting kedua dua pasangan menguasai kemahiran bertutur dan mendengar. Banyak rumah tangga hancur kerana masing masing tidak pandai menyatakan hasrat masing-masing dengan cara yang boleh diterima oleh pasangannya. Hasrat dipendam tanpa komunikasi berkesan bukanlah caranya.

#### 10. Kebolehan Menyelesaikan

Pertelingkahan. Pasangan perlu tahu yang mereka berkemampuan untuk menyelesaikan pertelingkahan sebelum mereka berkahwin. Jika pasangan tidak tahu cara yang berkesan untuk menangani perselisihan pendapat antara mereka, Rumah tangga mungkin akan runtuh. Banyak rumah tangga runtuh kerana suami isteri tidak tahu menangani perbezaan diri mereka berbanding sebab sebab lain. Amat perlu menilai kemahiran perdamaian masing masing sebelum berkahwin.

Jadikan dirimu  
bagai pohon yang  
rendang di mana  
insan dapat  
berteduh. Jangan  
seperti pohon  
kering tempat sang  
pungguk melepas  
rindu dan hanya  
layak dibuat kayu  
api.



**SELAMAT  
TAHUN BARU 2006**



*Biro Perhubungan dan Penerbitan  
Kelab Kebajikan Kakitangan  
Pentadbiran Pusat Matrikulasi  
UIAM*

Phone: 03-77803216  
Fax: 03-79571006  
Email: amin@iiu.edu.my

**Hubungi kami  
sekiranya perlu  
berkenaan Kelab  
Kebajikan kakitangan  
Pusat Matrikulasi  
UIAM.**

### *Bersama Juruaudit 11*

Nama: Samean B Abu Hashim

No staff: 234

Jawatan di UIA: Pemandu

Jawatan di Kelab: Juruaudit

Alamat : **No 37 Jalan 25 Taman Bukit Kuchai Baru, Puchong, Selangor**

Berapa lama jadi ahli kelab: Semenjak mula ditubuhkan

Tarikh Lahir : 29 Julai 1966

Tempat lahir : Melaka

Email : samean@iiu.edu.my

Berapa cahaya mata: -4 Orang , 3 Lelaki 1 Perempuan

Harapan terhadap kelab: Harap semua kakitangan Pentadbiran Dapat Menjadi Ahli Kelab Yang Berkomitmen.

Kenangan manis bersama kelab : Pernah Dilantik Sebagai Penolong Pengerusi Kelab

Kenangan pahit bersama kelab: Tiada

Cadangan kepada Kelab: Cuba sedaya upaya menarik Kakitangan Supaya Menjadi Ahli Kelab



### **Raikan Aidiladha dengan ketaqwaan**

HARI Raya Aidiladha disambut pada hari kesepuluh bulan Zulhijah, bulan terakhir pada kalendar Hijrah Islam. Hari Raya Aidiladha atau Hari Raya Haji yang juga dikenali sebagai Hari Raya Korban di kalangan orang kita pada 'dasarnya' membawa 'istilah' yang sama maknanya. Bahkan terdapat pelbagai pendapat-pendapat ulama mendefinisikan Hari Raya Aidiladha dengan pelbagai 'huraian'. Sesetengah berpendapat Hari Raya Korban secara bahasa bererti mendekat/pendekatan. Sedangkan pengertiannya menurut agama adalah usaha pendekatan diri seseorang hamba kepada pencipta-Nya dengan jalan menyembelih binatang yang halal dan dilaksanakan dengan tuntutan dalam rangka mencari reda-Nya. Berdasarkan firman Allah.

"Ceritakanlah kepada mereka kisah kedua putera Adam (Habil dan Qabil) menurut yang sebenarnya ketika keduanya mempersembahkan korban maka diterima dari salah seorang dari mereka berdua (Habil) dan tidak diterima dari yang lain (Qabil). Ia berkata (Qabil): Aku pasti membunuhmu! Berkata Habil: "Sesungguhnya Allah hanya menerima korban dari orang-orang yang bertaqwa." (Al-Maa-idah ayat 27). Bahkan di dalam Al-Quran, Allah Subhanahu Wataala telah menamakan Hari Raya Haji dengan Hari Haji Akbar. Firman Allah dalam Surah At-Taubah ayat 3 yang tafsirnya:

"Dan suatu pengumuman daripada Allah dan Rasul-Nya kepada umat manusia pada Hari Haji Akbar bahawa sesungguhnya Allah dan Rasu7-Nya berlepas diri dari orang-orang Musyrikin."

Hari Raya Aidiladha mengingatkan kita pula 'pengorbanan' suci yang dihadapi oleh Nabi Ibrahim iaitu ketika ia mendapat mimpi supaya menyembelih anaknya Nabi Ismail dan kerelaan Nabi Ismail tunduk kepada kemahuan bapanya tanpa alasan patut dijadikan sebagai 'iktibar' pada kita. Iaitu melakukan sesuatu itu patutnya ikhlas semata-mata kerana Allah. Lebih menyedihkan ada yang berpendapat dan berfikir bahawa ibadat korban tersebut dianggap sebagai satu jalan untuk menunjukkan bahawa diri lebih bermurah hati tetapi dalam hati tidak ikhlas dan sering bersungut mengatakan: "Habis tia duitku". Bahkan tidak kurang juga beranggapan bahawa ibadat korban dijadikan suatu kemestian tiap-tiap Hari Raya Aidiladha menjelang. Dengan kata lain: Kita patut fikirkan sejenak apa faedahnya korban-korban yang disembelih Hari Raya Haji yang dianggap oleh tuannya suatu kemestian tetapi dengan melupakan orang-orang yang berhajat, fakir miskin dan yang berhak menerimanya.

Ibadat korban tersebut perlu dilakukan secara ikhlas kerana Allah dan bukannya bertujuan hendak menunjukkan bahawa seseorang itu mampu untuk melaksanakannya. Dari Aisyah Radiallahuanha Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

"Tiada ada sesuatu amalan yang dikerjakan oleh anak Adam pada Hari Raya Haji yang lebih disukai oleh Allah Subhanahu Wataala dari menumpahkan darah. Bahawasanya ia (korban itu) datang pada Hari Kiamat dengan tanduk-tanduknya dan bulu-bulunya dan kuku-kukunya dan bahawasanya darah (korban itu) mendapat tempat yang mulia di sisi Allah Subhanahu Wataala sebelum darah itu tumpah ke bumi, oleh kerana itu hendaklah kamu berkorban dengan hati yang bersih." Hadis riwayat Al-Imam At-Tarmizi.

Dalam Islam hari-hari perayaan bagi kita orang Islam iaitu Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Haji hendaklah disambut, pertamanya dengan beribadat dan taqwa. Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda mengenai Hari Raya Puasa dan Haji:

"Siapa yang berjaya pada kedua malam Hari Raya (Puasa dan Haji) dengan mengingatkan Allah nescaya hatinya tiada mati pada hari matinya semua hati-hati lain."

Bahkan pada hari-hari perayaan tersebut kaum Muslimin disyariatkan memulakan dengan suatu sembahyang yang istimewa iaitu sembahyang Hari Raya dan 'dikemundang' dengan gema-gema laungan takbir-takbir raya. Di negara kita, kita bersyukur kerana dengan 'pemedulian' raja yang kita sayangi dan kasihan telah berkenan bersama-sama meraikan Hari Raya Haji bersama rakyat di negara ini serta tidak pernah lupa mengurniakan daging-daging korban dan diagih-agihkan kepada yang berhak menerimanya setiap kali menjelangnya Hari Raya Haji.

Malah terdapat juga mereka yang menyedekahkan daging-daging korban setiap menjelangnya Hari Raya Aidiladha dan sebagainya penerima kita patut bersyukur dengan apa yang diberi dan adalah tidak patut membandingkan dan menilaikan hasil pemberian tersebut atau daging-daging korban tersebut kerana semua itu adalah 'utusan' Allah semata-mata bagi 'menilai' ibadat korban yang telah dilakukan oleh tuannya. Apa yang penting ialah ketulusan dan ketaqwaan orang yang melakukan ibadat korban tersebut iaitu semata-mata kerana Allah dan bukannya melakukan ibadat korban sehingga berpuluh-puluh ekor sedangkan di dalam dirinya tiada ketaqwaan serta ikhlas terhadap apa yang dilakukan.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Hajj ayat 37 yang tafsirannya:

"Daging-daging unta dan darahnya itu sekali-kali tidak dapat mencapai keredaan Allah tetapi ketaqwaan dari kamulah yang dapat menjamin. Demikianlah Allah telah menundukkannya untuk kamu supaya kamu mengagungkan Allah terhadap hidayah-Nya kepada kamu. Dan berikanlah khabar gembira kepada orang-orang yang berbuat baik."

Marilah kita berdoa agar segala amalan ibadat yang kita lakukan mudah-mudahan akan diredai oleh Allah dan semoga amalan ibadat korban pada Hari Raya Aidiladha tahun ini akan membawa 'kenikmatan' kepada kita baik dari segi duniawi mahupun akhirat kelak.